

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN :

LISAN

DARIPADA :

**YB DATO' SRI AZALINA BINTI DATO'
OTHMAN SAID [PENGERANG]**

TARIKH :

19 MAC 2015

SOALAN :

YB Dato' Sri Azalina binti Dato' Othman Said [Pengerang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah faktor Malaysia kini menjadi antara kilang terbesar 'mengekspor' jururawat ke serata dunia dan apakah langkah Kementerian untuk membawa balik atau untuk mengurangkan kadar penghijrahan ini yang akan membawa kesan yang buruk kepada sektor kesihatan jika masalah tersebut tidak ditangani.

Tuan Yang di-Pertua,

Terlebih dahulu pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengucapkan terima kasih atas keperhatinan pihak YB atas perkara ini. Pada tahun 2012, dianggarkan seramai 8,000 orang graduan jururawat yang tidak mendapat pekerjaan sebagai jururawat dan pada tahun 2014 bilangan ini telah berkurangan dan dianggarkan sebanyak 50%. Walau bagaimanapun, pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh pihak Kementerian untuk membantu graduan kejururawatan mendapatkan

pekerjaan sebagai jururawat. Pada tahun 2012, Mesyuarat Jemaah Menteri telah meluluskan KKM dan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) supaya melantik graduan lepasan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) secara berperingkat untuk berkhidmat di KKM. KKM telah mengambil seramai 1,629 orang pada tahun 2013 dan seramai 2,161 orang pada tahun 2014 dan pengambilan ini masih lagi berterusan. Walau bagaimanapun, pengambilan tenaga kerja jururawat di KKM dilaksanakan oleh SPA tertakluk kepada kekosongan perjawatan

Pada tahun 2010, kelayakan masuk bagi pelajar kejururawatan telah dinaikkan dari 3 kredit kepada 5 kredit, serta terus menguatkuasakan moratorium institusi baru program kejururawatan. Ini telah memberi kesan dalam jumlah pengeluaran graduan jururawat yang dapat dilihat pada tahun 2011, di mana jururawat berdaftar dengan Lembaga Jururawat Malaysia (LJM) adalah seramai 15,402 orang dan menurun kepada 6,555 (43%) bagi tahun 2014.

Bahagian Kejururawatan tiada halangan kepada mereka yang berhasrat untuk berkhidmat ke luar Negara kerana ini adalah pilihan mereka sendiri. Hingga Disember 2014, terdapat seramai 5,722 (5%) orang jururawat yang bertugas ke luar Negara. Bilangan ini adalah terlalu kecil berbanding dengan jumlah keseluruhan jururawat di Malaysia iaitu dianggarkan seramai 113,847 orang